

# Menangani isu lambakan pekerja asing

Pengambilan buruh luar perlu dioptimum selaras dasar negara maju berpendapatan tinggi



DR RAHMAH ISMAIL

Kementerian Dalam Negeri pada tahun lalu melaporkan pekerja asing berdaftar di negara ini berjumlah 2.1 juta atau 15.5 peratus daripada keseluruhan guna tenaga di Malaysia, manakala pekerja asing tanpa izin dianggarkan berjumlah melebihi tiga juta orang. Hampir separuh pekerja asing berdaftar berasal dari Indonesia, diikuti Nepal dan Bangladesh, baki dari pelbagai negara seperti India, Myanmar, Pakistan, Filipina dan Vietnam.

Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja separa mahir dan tidak mahir yang mendominasi sektor pembuatan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Pada 2015, pegawai da- gang yang merupakan pekerja profesional asing tidak sampai pun 10 peratus. Kehadiran pekerja asing secara berlebihan adalah satu fenomena membimbangkan negara. Apa yang lebih membimbangkan adalah kemasukan mereka secara tidak sah yang jumlahnya mengatasi pekerja asing secara sah.

Pekerja sememangnya diperlukan dalam sesuatu proses pengeluaran kerana ia adalah input penting dan sebagai penggerak kepada input lain. Tanpa pekerja mencukupi, proses pengeluaran boleh terhambat dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Dalam konteks ini, pekerja berkualiti amat diperlukan kerana mereka dikatakan lebih produktif yang akhirnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi lebih tinggi.

Namun, persoalannya adakah pekerja asing mempunyai ciri-ciri ini dan mampu dimanfaatkan dengan sepenuhnya? Dalam erti kata lain,

adakah kehadiran mereka mampu merencanakan pertumbuhan ekonomi negara dan pada masa sama, tidak membawa kesan negatif kepada ekonomi dan sosial di Malaysia? Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu melihat kepada kesan positif dan negatif daripada kemasukan dan pengajian pekerja asing.

● Meringankan beban majikan dalam mendapatkan pekerja. Kehadiran pekerja asing sama ada secara sah mahupun tidak sah mampu menyelesaikan masalah majikan dalam mendapatkan pekerja ketika diperlukan. Ini boleh menjimatkan kos pencarian dan kos masa yang boleh membantutkan 'output' sesebuah operasi pengeluaran.

● Menjimatkan kos pengeluaran. Pekerja asing sanggup menerima upah lebih rendah dan bekerja lebih masa. Walaupun kerajaan telah melaksanakan upah minimum, majikan masih boleh mengelak daripada membayar pekerja upah minimum ini dengan mengambil pekerja asing tidak sah. Malah pekerja asing ini sanggup menerima apa saja upah di bayar, di samping mampu memberi komitmen yang lebih tinggi berbanding dengan pekerja tempatan.

Menurut teori neoklasik, input menyumbang secara positif kepada output. Maka peningkatan dalam pengambilan pekerja asing ini menyumbang kepada bilangan guna tenaga dan meningkatkan output negara. Setiap aktiviti ekonomi memerlukan permintaan yang tinggi dan sentiasa meningkat.

Kehadiran pekerja asing meningkatkan jumlah permintaan negara kerana mereka akan berbelanja untuk keperluan keluarga. Aktiviti perbelanjaan mereka akan meningkatkan kuasa beli negara dan mendorong kepada pengeluaran yang lebih tinggi.



**“ Dalam jangka pendek, pengambilan pekerja asing tidak mahir mungkin tidak boleh dielakkan. Namun, mereka perlu dihadkan kepada sektor tertentu seperti pertanian dan pembinaan. Sektor lain perlu dibuka luas kepada pekerja tempatan terutama yang berkelulusan menengah dan layak bekerja di sektor perkhidmatan dan pembuatan ”**

jaan mereka akan meningkatkan kuasa beli negara dan mendorong kepada pengeluaran yang lebih tinggi.

**Kesan negatif**

Walaupun pekerja asing mampu meningkatkan output, pertumbuhan output menjadi perlahan kerana kebanyakan mereka adalah tidak mahir. Kajian menunjukkan sumbangan positif mereka terhadap pertumbuhan output hanya daripada pekerja asing mahir dan separa mahir. Itu pun ia hanya berlaku dalam jangka panjang selepas mereka lebih berpengalaman dalam pekerjaan masing-masing.

Sebahagian besar pekerja asing adalah tidak mahir dan sanggup menerima upah rendah. Ini boleh membantutkan pertumbuhan upah dan menyekat pekerja tempatan dalam proses tawar-menawar upah, lebih-lebih lagi sekiranya pekerja asing itu pengganti kepada pekerja tempatan.

Kenaikan kadar upah yang tidak seajar dengan pertumbuhan produk-



tiviti memang pun menjadi isu penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia (Bank Dunia, 2010). Malah, isu utama yang membawa kepada pelaksanaan upah minimum adalah bagi meningkatkan pertumbuhan upah sejajar dengan pertumbuhan produktiviti.

Malah, ada sektor yang mempunyai pekerja profesional kurang daripada lima peratus seperti sektor pertanian dan pembinaan (Jabatan Perangkaan 2012). Satu daripada penyumbang kepada rendahnya peratus ini adalah kehadiran pekerja asing tidak mahir yang terlalu ramai.

Walaupun kadar pengangguran di Malaysia adalah sekitar 2.8 peratus pada 2014, jumlah penganggur meningkat dan masih kelihatan besar, iaitu melebihi 410,007 pada 2014, peningkatan sebanyak 6,300 dibandingkan dengan 2010. Sebahagian besar penganggur adalah berpendidikan peringkat menengah, iaitu melebihi 50 peratus daripada jumlah penganggur

sepanjang 2008 hingga 2014 (Kementerian Sumber Manusia 2015). Persoalannya adakah mereka ini tidak mampu memegang jawatan atau bekerja di tempat yang dikuasai pekerja asing?

**Kesan negatif lebih dominan**

Secara imbasan kesan negatif lebih dominan daripada kesan positif. Saban hari kita dikejutkan dengan pengangguran siswazah yang mengambarkan terlebih penawaran daripada yang diperlukan pasaran. Mungkin Malaysia masih memerlukan pekerja berkemahiran rendah, namun kita terlebih didid rakyat tempatan.

Kemungkinan gada pekerjaan yang tersedia banyak yang berbentuk sektor pekerjaan sukar, kotor dan berbahaya (3D) tidak sanggup dilakukan oleh rakyat tempatan, walaupun mereka berpendidikan rendah dan pekerjaan itu sesuai dengan kelayakan akademik mereka. Jika kita meninjau data pasaran buruh Malaysia, kelihatan masalah ketaksepadanan agak serius. Pada satu sudut kita lihat lambakan pekerjaan tidak terisi dan di sudut lain, jumlah penganggur masih berbilion. Malah akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan banyak kes pembuangan kerja oleh syarikat swasta di Malaysia.

Lazimnya pekerja asing memang masih diperlukan di Malaysia. Namun persoalannya, berapa ramai dan apakah tahap mereka yang sepatutnya diambil? Dalam jangka pendek pengambilan pekerja asing tidak mahir mungkin tidak boleh dielakkan. Namun, mereka perlu dihadkan kepada sektor tertentu seperti pertanian dan pembinaan. Sektor lain perlu dibuka luas kepada pekerja tempatan terutama yang berkelulusan menengah dan layak bekerja di sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Dalam jangka panjang kerajaan perlu mempunyai strategi tertentu dalam mengoptimalkan kehadiran pekerja asing. Malaysia menuju ke arah negara maju yang bertunjangan teknologi tinggi dan penganan kepada adalah pekerja berkemahiran tinggi. Oleh itu, selagi berlaku ledakan pekerja asing tidak mahir, selagi itu ia memberi gambaran kepada teknologi rendah yang masih mendominasi proses pengeluaran di Malaysia.

Ini memberi implikasi negatif ke-

pada pertumbuhan output, produktiviti dan keperluan kemahiran, sekaligus memburukkan lagi masalah pengangguran siswazah dalam jangka panjang. Sektor swasta yang mendominasi dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di Malaysia, mempunyai tanggung jawab besar dalam mengoptimalkan pekerja asing.

● Ketelusan dalam mengambil pekerja. Majikan perlu telus dalam mengambil pekerja dengan mengiklankan keperluan pekerja dan mengutamakan pekerja tempatan. Dalam hal ini campur tangan kerajaan diperlukan dalam merangka undang-undang bagi memastikan perkara ini berlaku.

● Pembayaran upah yang lebih tinggi. Majikan perlu lebih bertimbang rasa dalam menawarkan upah yang lebih tinggi tanpa menguati kesuntungan berlebihan. Ini boleh menarik minat pekerja tempatan untuk mencari pekerjaan yang kini dipenuhi pekerja asing. Berdasarkan kepada bilangan penganggur yang ramai berpendidikan menengah, adalah tidak sukar bagi mereka berkecimpung dalam pekerjaan tahap rendah yang kini dipegang oleh pekerja asing.

● Perubahan minda pekerja tempatan. Dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat, mereka sepatutnya mengubah minda agar tidak terlalu memulih pekerjaan. Contohnya, pekerjaan di sektor pembuatan dan perkhidmatan mampu dilakukan oleh pekerja tempatan. Pekerja asing sepatutnya dihadkan ke-

pada pekerjaan sektor pertanian dan pembinaan yang memerlukan tenaga berat yang mungkin tidak mampu dilakukan oleh pekerja tempatan.

● Komited terhadap pekerjaan. Pekerja tempatan perlu lebih komited terhadap pekerjaan seiring dengan apa yang mampu dilakukan oleh pekerja asing. Mereka perlu menghayati konsep bahawa pekerjaan adalah satu amanah yang perlu dilakukan dengan baik dan berkesan.

Pekerja tempatan perlu bijak mencari peluang pekerjaan di negara sendiri. Sudah tiba masanya rakyat tempatan mengubah minda ke arah yang lebih positif dan merebut peluang pekerjaan yang tersedia. Sebagai rumusannya, pengambilan pekerja asing diperlukan dalam memenuhi pekerjaan di sektor tertentu sahaja seperti pembinaan dan pertanian.

Namun, bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, pengambilan mereka yang tidak mahir perlu dikurangkan dan dalam masa sama, kehadiran pekerja asing tanpa izin perlu dibarteras agar ia tidak mengganggu pelaksanaan dasar kerajaan seperti upah minimum. Subah pekerja berkemahiran perlu ditingkatkan seiring dengan misi Malaysia mencapai negara maju menjelang 2020 yang bertunjangan teknologi tinggi dan buruh berkemahiran tinggi.

**Penulis** ialah Profesor di Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM.



Kesan negatif lambakan pekerja asing lebih dominan berbanding kesan positif kepada pembangunan negara.